

## **KERANGKA PEMBANGUNAN DAN PENILAIAN MODUL KEMAHIRAN MENULIS BAHASA ARAB BERASASKAN REGULASI KENDIRI**

Dr Sumaiyah Sulaiman<sup>1</sup>, Dr Nik Farhan Mustapha<sup>2</sup>, Dr Pabiyah Toklubok@Haji Maming<sup>3</sup>, Dr  
Wan Muhammad Wan Sulong<sup>4</sup> & Abd Rashid Zainal<sup>5</sup>

*Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Putrajaya*<sup>1&5</sup>  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia<sup>2,3&4</sup>

sumaiyah74@yahoo.com, farhan@upm.edu.my, pabiyah@upm.edu.my, w\_mhd@upm.edu.my,  
abdrashid75@gmail.com

### **PENGENALAN**

Kemahiran menulis merupakan antara kandungan yang terdapat dalam kurikulum pembelajaran bahasa Arab di pelbagai peringkat pengajian di Malaysia. Pada hari ini, kemahiran menulis dipelajari di semua institut pendidikan tinggi di Malaysia seperti universiti awam (UA) termasuklah Institut Pendidikan Guru (IPG). Sebagaimana yang terkandung dalam kurikulum mata pelajaran Bahasa Arab Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP), kemahiran berbahasa Arab merupakan subjek wajib diambil pelajar pengkhususan bahasa Arab dan Pendidikan Islam di IPG. Namun begitu, beberapa kajian yang dijalankan terhadap para pelajar IPG menunjukkan keupayaan mereka dalam menulis bahasa Arab masih berada pada tahap yang kurang memuaskan. Para pelajar didapati menghadapi kesukaran untuk membina ayat bahasa Arab (Abdul Rahman & Ghazilah, 2016).

Pembelajaran kemahiran menulis juga didapati masih terikat dengan kaedah tradisional; iaitu berfokuskan kepada hasil penulisan tanpa memberi penekanan kepada proses menulis. Akibatnya, perlakuan dan proses prapenulisan karangan pelajar didapati tertumpu kepada penghasilan isi karangan semata-mata. Mereka juga tidak mempunyai strategi khusus untuk menghasilkan, membentuk dan menyampaikan isi karangan (Habibah, 2016). Di samping masalah yang berpunca daripada kelemahan pembelajaran pelajar, kajian lepas juga mendapati permasalahan ini turut berpunca daripada modul pembelajaran kemahiran menulis bahasa Arab yang digunakan oleh pelajar. Misalnya, Amani (2015) berpendapat bahawa modul bahasa Arab di IPG lebih menjurus kepada modul pembelajaran dalam bilik kuliah sahaja, sedangkan interaksi atau sesi pembelajaran seharusnya merangkumi pembelajaran bersemuka dan juga tidak bersemuka. Tambahan pula, modul kemahiran menulis yang sesuai bagi pelajar IPG yang bercirikan pembelajaran sendiri merupakan satu keperluan dalam pembelajaran kemahiran menulis bahasa Arab (Sumaiyah et al., 2018).

Oleh itu, kajian ini bertujuan membincangkan usaha dan langkah-langkah penyediaan satu kerangka modul pembelajaran kemahiran menulis bahasa Arab. Sebuah modul yang menepati keperluan dan tujuan pembelajaran yang berasaskan teori regulasi sendiri yang akan dibangunkan dan dinilai kebolehgunaannya. Berikut adalah objektif kajian ini:


1. Menghuraikan Fasa Analisis Keperluan dalam pembangunan dan penilaian modul kemahiran menulis bahasa Arab berasaskan regulasi sendiri.
2. Menghuraikan Fasa Reka bentuk dan Pembangunan dalam pembangunan dan penilaian modul kemahiran menulis bahasa Arab berasaskan regulasi sendiri.
3. Menghuraikan Fasa Pelaksanaan dan Penilaian dalam pembangunan dan penilaian modul kemahiran menulis bahasa Arab berasaskan regulasi sendiri.

## METODOLOGI

Kajian ini mempunyai tiga fasa utama, iaitu Fasa Analisis Keperluan, Fasa Reka bentuk dan Pembangunan seterusnya Fasa Pelaksanaan dan Penilaian. Kerangka kajian ini adalah berdasarkan kepada kajian reka bentuk dan pembangunan modul atau DDR (*Design and Developmental Research*) yang dipelopori oleh Richey & Klein (2007). Kerangka DDR digunakan oleh pengkaji sebagai kerangka asas bertujuan membangunkan satu modul pembelajaran kemahiran menulis serta menilai kebolegunaan modul tersebut. Model instruksi ADDIE turut mendasari kerangka kajian ini. Model ADDIE yang merupakan satu akronim bagi analisis (*Analyze*), reka bentuk (*Design*), membangun (*Develop*), melaksana (*Implement*) dan menilai (*Evaluate*) telah dibangunkan oleh Jabatan Pertahanan pada tahun 1975 (Colborn, 2011).

Dapatan Fasa Analisis Keperluan digabungkan bersama teori regulasi sendiri, model S<sup>2</sup>R (Oxford, 2011), model Mengarang (Flower & Hayes, 1989), strategi Metafizik dan sorotan literatur bagi membentuk konstruksi isi kandungan modul. Modul yang telah dibangunkan ini juga disebut draf kerana masih dalam proses pembinaan dan penambahbaikan akan melalui fasa seterusnya iaitu fasa pelaksanaan dan penilaian. Semasa fasa ini, modul akan diuji tahap kebolehgunaannya (*usability*) oleh kumpulan sasaran.

Berdasarkan kerangka teori kajian yang telah dibincangkan, satu kerangka konseptual kajian berasaskan reka bentuk DDR yang menjadi kerangka kajian ini telah diadaptasi dan dihasilkan seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.



Rajah 1: Kerangka Konseptual Kajian Berpandukan Teori Regulasi Kendiri, Model Flower & Hayes (1980), Model S<sup>2</sup>R oleh Oxford (2011) dan Strategi Metafizik (Kamarul Shukri, 2009)

## **PERBINCANGAN**

Kajian ini mempunyai tiga fasa utama iaitu Fasa Analisis Keperluan, Fasa Reka bentuk dan Pembangunan seterusnya Fasa Pelaksanaan dan Penilaian.

### **FASA ANALISIS KEPERLUAN**

Fasa pertama ialah Fasa Analisis Keperluan yang menjadi penentu kepada pemilihan bahan yang menjadi asas dalam pembangunan modul. Fasa Analisis Keperluan secara umumnya bertujuan memastikan modul pembelajaran bahasa yang dibangunkan benar-benar memenuhi kehendak pelajar (Husaini et al., 2016). Fasa Analisis Keperluan dijalankan dengan menggunakan kaedah temu bual bagi mengenal pasti keperluan pembangunan modul mengikut pandangan pensyarah dan pelajar IPG.

Pembentukan instrumen bagi tujuan analisis keperluan ini berdasarkan dapatan tinjauan literatur. Seterusnya, instrumen kajian iaitu protokol temu bual yang dibentuk telah diuji kesahan kandungan dan bahasanya oleh tiga orang pakar yang dipilih. Temu bual tersebut telah berjaya menyenaraikan elemen bahan pembelajaran kemahiran menulis yang sesuai untuk pelajar IPG iaitu kepelbagaian aktiviti, penanda wacana, contoh gaya bahasa, rukun asas penulisan serta menulis berkaitan kehidupan harian.

Kesepakatan semua peserta kajian perlunya pendedahan pelajar kepada strategi kemahiran menulis turut diperoleh. Kesemua pelajar melontarkan pendapat yang hampir sama tentang perlunya modul menulis bahasa Arab yang menekankan pendedahan strategi sebagai panduan kepada pelajar. Tambahan pula menulis adalah kemahiran yang sukar bagi pelajar dan apa yang sering berlaku guru kurang memberi panduan bagaimana proses menulis berlaku.

Seterusnya dapatan atau maklumat yang diperoleh daripada Fasa 1 dalam peringkat (i), (ii), dan (iii) akan digunakan dalam Fasa 2.

### **FASA REKA BENTUK DAN PEMBANGUNAN**

Fasa kedua ialah reka bentuk dan pembangunan. Fasa ini dilaksanakan setelah Fasa 1 selesai dijalankan. Mereka bentuk pembelajaran sendiri kemahiran menulis ialah proses yang paling penting dalam reka bentuk modul kerana ia akan menentukan corak pembelajaran yang akan dilalui oleh pengguna sasaran. Secara umumnya, fasa ini ibarat tulang belakang perancangan dalam proses mereka bentuk Modul kerana melibatkan perincian aktiviti-aktiviti yang perlu dilaksanakan dalam modul. Hal ini bertujuan supaya Modul Kemahiran Menulis Bahasa Arab berasaskan teori regulasi sendiri yang dibangunkan menepati objektif pembelajaran sebagaimana yang diinginkan. Fasa Reka bentuk dan Pembangunan ini secara amnya melalui dua peringkat iaitu mereka bentuk elemen-elemen dalam kandungan Modul Kemahiran Menulis Bahasa Arab dan pengesahannya berdasarkan kesepakatan pakar FDM (Fuzzy Delphi Method) seterusnya pembangunan draf Modul Kemahiran Menulis Bahasa Arab. Ia dikenali sebagai draf modul kerana belum dibuktikan kesahan dan kebolehpercayaan.

Kaedah FDM digunakan bagi mendapatkan kesepakatan pakar terhadap elemen-elemen dalam kandungan Modul Kemahiran Menulis Bahasa Arab. FDM digunakan bagi mendapatkan konsensus pakar sebagai responden melalui kaedah kuantitatif (Mohd Ridhuan et al., 2017). Antara kekuatan dan kelebihan kaedah FDM ialah mampu untuk memproses kekaburan berhubung item

ramalan dan kandungan maklumat dan responden, ciri-ciri individu peserta boleh dijelaskan, meningkatkan masa membuat keputusan, kadar mendapat persetujuan lebih baik dan jaminan mendapat persetujuan pakar adalah tinggi (Ramlan & Ghazali, 2018).

Kajian ini menetapkan 14 orang pakar dengan menggunakan kaedah pensampelan bertujuan berasaskan bidang kepakaran masing-masing. Panel pakar dikategorikan kepada tiga iaitu pakar bidang bahasa Arab, pakar bidang reka bentuk dan kurikulum serta pakar bidang regulasi sendiri.

Analisis data telah dilakukan berdasarkan tiga (3) syarat utama dalam penganalisan berasaskan kaedah FDM iaitu nilai *threshold* (d), nilai peratusan kumpulan kesepakatan pakar (%) dan skor *Fuzzy* (A). Konstruk soal selidik FDM meliputi aspek objektif pembelajaran, manual penggunaan modul, elemen kandungan modul, penerapan strategi dan model pembelajaran, latihan dan penilaian sendiri. Item dibentuk berdasarkan dapatan Fasa Analisis Keperluan dan tinjauan literatur.

Aktiviti-aktiviti utama dalam Fasa Reka bentuk ini dijalankan berdasarkan dua aktiviti dengan mengambil kira (i) Model regulasi sendiri S2R (Oxford), (ii) model kemahiran menulis Flower & Hayes (1980) dan strategi metafizik (Kamarul Shukri, 2009). Model S<sup>2</sup>R Oxford (2011) mengandungi empat komponen iaitu kognitif, afektif, sosio budaya interaktif dan meta strategi. Selain empat komponen strategi ini, strategi metafizik turut diserap dalam modul. Strategi metafizik iaitu strategi pembelajaran yang bersifat keagamaan dan ibadah turut dicadangkan sebagai elemen modul kerana umumnya para pelajar yang mempelajari bahasa Arab mengaplikasikan strategi pembelajaran bahasa yang berorientasikan keagamaan.

Setelah mereka bentuk dan membangunkan modul ini selesai, modul ini perlu mendapatkan pengesahan pakar bidang untuk ditentukan kesahannya. Seramai enam orang pakar dilantik bagi menilai draf modul yang dibangunkan, iaitu (i) pakar reka bentuk modul, (ii) pakar bahasa Arab dan (iii) pakar strategi pembelajaran. Seterusnya, penambahbaikan modul dilakukan dan draf modul disediakan berdasarkan cadangan dan maklum balas daripada pengesahan pakar bidang. Kajian rintis dijalankan kalangan pelajar pengkhususan bahasa Arab di sebuah IPG di Kedah bagi mendapatkan kebolehpercayaan modul. Akhirnya draf modul yang dibangunkan akan diimplementasikan dalam fasa seterusnya.

## **FASA PELAKSANAAN DAN PENILAIAN**

Fasa ketiga ialah pelaksanaan dan penilaian. Fasa Pelaksanaan dan Penilaian merupakan fasa terakhir dalam kajian ini. Berdasarkan model ADDIE, fasa ini dikenali sebagai pelaksanaan (*implementation*) dan penilaian (*evaluation*). Fasa Pelaksanaan dan Penilaian merupakan rentetan setelah fasa reka bentuk dan pembangunan dijalankan. Fasa ini bertujuan melaksanakan dan menilai kebolegunaan modul (*usability*).

Draf modul yang dibangunkan akan diimplementasikan dalam kajian rintis kepada sekumpulan kecil pengguna sasaran di kalangan pelajar pengkhususan bahasa Arab di sebuah IPG di Selangor. Pensyarah yang dilantik akan melatih pelajar menggunakan draf modul yang dibangunkan dan menilai draf modul daripada aspek kesesuaiannya mengikut perspektif pengguna sasaran. Kemudian draf modul akan dibaiki untuk dinilai sepenuhnya dalam fasa terakhir.

Fasa penilaian melibatkan proses mendapatkan maklum balas tentang kebolegunaan draf modul daripada pelajar dan pensyarah bahasa Arab yang menggunakan modul tersebut. Dalam fasa ini, sebanyak empat sesi pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan dalam tempoh dua bulan menggunakan draf modul kemahiran menulis bahasa Arab. Ujian kebolegunaan seperti mana didefinisikan oleh Mack & Sharples (2009) ialah pengukuran terhadap keupayaan sesebuah produk yang dihasilkan dan dibangunkan serta digunakan oleh pengguna produk itu sendiri. Terdapat tiga aspek penilaian kebolegunaan iaitu keberkesanan, kecekapan dan kepuasan pengguna (Milano & Ullius, 1998) bergantung pada produk yang dihasilkan. Kajian ini mengehendkan penilaian kebolegunaan kepada kebolegunaan dan kepuasan pengguna. Aspek yang dinilai ialah kandungan, reka bentuk, kemahiran menulis dan pembelajaran regulasi sendiri serta kepuasan pengguna terhadap modul yang dihasilkan.

## **KESIMPULAN**

Penggunaan strategi dalam pembelajaran kemahiran menulis bahasa Arab adalah penting bagi membantu pelajar mencapai objektif yang dihasratkan. Sejajar dengan itu, kajian pembentukan kerangka pembangunan dan penilaian Modul Kemahiran Menulis Bahasa Arab ini dijangka dapat membantu memberi pendedahan kepada pelajar mempertingkatkan strategi dan teknik belajar kemahiran menulis, khususnya dalam kemahiran berbahasa Arab secara menyeluruh. Institusi yang menawarkan subjek bahasa Arab perlu menyediakan modul pembelajaran yang sesuai dan terancang dengan mengambil kira keperluan aspek psikologi dan pendedahan strategi bagi membantu pelajar menguasai kemahiran menulis. Penyediaan modul yang berasaskan regulasi sendiri jika diaplikasikan secara optimum dalam kelas pembelajaran bahasa Arab mampu menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis menjadi lebih efektif, dinamik, menarik dan menyeronokkan.

## **PENGHARGAAN**

Setinggi-tinggi ucapan penghargaan kepada Projek Penyelidikan Geran Putra (Geran Penyelidikan Siswazah), Universiti Putra Malaysia (UPM), bagi pembiayaan Geran Penyelidikan Universiti (GPU) 2017 di bawah tajuk Pembinaan Modul Kemahiran Menulis Bahasa Arab Berasaskan Pembelajaran Regulasi Kendiri. Kod penyelidikan GP IPS/2017/9538400.

## **RUJUKAN**

- Abdul Rahman, A. & Gazilah, M. I. (2016). Meningkatkan kemahiran pelajar membina ayat bahasa Arab menggunakan modul Takwin Jumal. Dlm. Prosiding IConTALL 2016 Seminar Antarabangsa Pengajaran Bahasa Arab dan Sastera Arab kepada Penutur bukan Arab (pp. 212-218). Kuala Lumpur, Malaysia: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Amani, D@D. (2014). Pembangunan modul m-pembelajaran Bahasa Arab di Institut Pendidikan Guru. Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan. Universiti Malaya.
- Flower, L., & Hayes, J. (1980). A Cognitive Process Theory of Writing. *College Composition and Communication*. 32(4), 365-387.

- Husaini, K., Che Radiah, M., Nik Farhan, M. (2016). Kepentingan analisis keperluan dalam pembelajaran bahasa Arab di Malaysia. Dlm. Multi Dimensi dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab. Penerbit UPM Serdang.
- Kamarul Shukri M., T., (2009). Strategi metafizik: Kesenambungan penerokaan domain strategi utama pembelajaran bahasa. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*. 12(2), 555-569.
- Mack, Z. & Sharples, S. (2009). The importance of usability in product choice: a mobile phone case study. *Ergonomics*, 52(12): Hlm. 1514–1528.
- Milano, M., & Ullius, D. (1998). *Designing powerful training, The Sequential-Iterative Model*. Jossey-Bass/Pfeiffer. A Wiley Company, San Francisco
- Mohd. Ridhuan, M. J., Zaharah, H., Nurul Rabihah, M. N., Ahmad Arifin, S., & Norlidah, A. (2017). *Pengenalan Asas Kaedah Fuzzy Delphi dalam Penyelidikan Rekabentuk dan Pembangunan*. Minda Intellect Agency. Bandar Baru Bangi.
- Oxford, R. L. (2011). *Teaching and researching language learning strategies*. Harlow, UK: Pearson Longman.
- Ramlan, M., & Ghazali, D. (2018). *Aplikasi Kaedah Fuzzy Delphi Dalam Penyelidikan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Penerbit Univeraiti Malaya.
- Richey, R. C., & Klein, J. D. (2007). *Design and development research: Methods, strategies, and issues*. New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates.
- Sidek Mohd Noah & Jamaluddin Ahmad (2005). *Pembinaan modul: Bagaimana membina modul latihan dan modul akademik*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Sumaiyah, S., Nik Farhan, M., Pabiyah, H@T., Wan Muhammad, W. S., & Nik Hanan, M. (2018). Analisis keperluan terhadap pengguna sasaran modul pembelajaran kemahiran menulis bahasa Arab berasaskan regulasi sendiri. Dlm. *Prosiding Malaysia International Conference on Foreign Languages (MICFL2018)*. Universiti Putra Malaysia. 148-154.